

# Wanita perlu rebut peluang ceburi industri makanan

Perniagaan berasaskan produk makanan boleh berkembang maju jika peluang dan kemahiran yang dimiliki wanita itu digunakan dengan sebaik mungkin bagi menghasilkan makanan menepati pasaran masa kini.

NORHAFIZA MUSA

**KUALA TERENGGANU** – Mungkin segelintir wanita tidak berminat menceburi bidang perniagaan yang berasaskan produk makanan kerana lebih suka memilih jualan barang atau perniagaan secara langsung.

Bagaimanapun, perniagaan berasaskan produk makanan boleh berkembang maju jika peluang dan kemahiran yang dimiliki wanita itu digunakan dengan sebaik mungkin bagi menghasilkan makanan menepati pasaran masa kini.

Seorang peniaga produk makanan, Zalina



● Perniagaan berasaskan produk makanan mampu menghasilkan pulangan lumayan.

Abdullah, 30, berkata, dia memulakan perniagaan sejak sembilan tahun lalu dan sering menerima tempahan biskut serta pelbagai jenis makanan sama ada moden maupun tradisional.

“Apa yang penting adalah kita perlu memastikan kualiti makanan yang dihasilkan itu sama ada dari segi rasa maupun bahannya terjamin dan memenuhi cita rasa pelanggan

supaya mereka tidak rasa tertipu.

“Bagi memahirkannya diri, saya sendiri sebelum ini banyak belajar dalam kelas masakan yang disertai dan berusaha mencipta resepi terbaru secara kreatif bagi memastikan produk dihasilkan berbeza dengan sedia ada,” katanya.

Menurut Zalina, produk makanan cepat laris dan mendapat sambutan jika peniaga bijak mencari peluang.

## AKTIVITI WANITA

### Wanita DUN Manir rai Maulidur Rasul



**“Tema berkenaan mengajak dan menuntut umat Islam bersatu, seterusnya menjadi umat lebih baik pada masa akan datang.”**

- Nuweza Abdullah

**KUALA TERENGGANU** – Hampir 200 wanita Dewan Undangan Negeri (DUN) Manir hadir pada sambutan Maulidur Rasul peringkat DUN Manir di Dewan Komuniti.

Penyelaras Wanita DUN Manir, Nuweza Abdullah berkata, pelbagai pengisian diadakan bagi memeriahkan sambutan berkenaan.

“Antaranya, bacaan Yasin, selawat, ceramah dan sebagainya,” katanya.

Menurut Nuweza, tema Maulidur Rasul pada tahun ini adalah ‘Wahdah Pemangkin Khaira Ummah’.

### Mutiara anjur majlis khas untuk anggota



**“Kelas ini khusus untuk anggota Mutiara, tenaga pengajarnya juga dalam kalangan mereka.”**

- Laili Che Rose

**KUALA TERENGGANU** – Kelab Wanita Universiti Malaysia Terengganu (Mutiara) akan mengadakan jamuan tahunan di Hotel Primula Beach Resort pada April atau Mei depan khusus untuk anggota Mutiara yang bertungkus-lumus menjayakan setiap program anjuran Mutiara.

Pengerusi, Laili Che Rose berkata, jamuan itu adalah majlis julung kali diadakan dan diatur dengan terperinci supaya program berjalan lancar.

Katanya, perkembangan terkini Mutiara adalah giat menganjurkan kelas jahitan manik pada setiap Sabtu, jam 10 pagi di Cafe Mutiara, UMT.

“Mutiara baru pulang melawat Universiti Malaysia Sabah dan pelbagai input ilmu pengetahuan diperoleh sepanjang sesi lawatan itu,” katanya.